




Universiti Malaysia
KELANTAN

HANG TUAH

Wira Bangsa



EDITOR
HARON DAUD
ABDUL RAHMAN HJ ISMAIL

HANG TUAH

Wira Bangsa

EDITOR
HARON DAUD
ABDUL RAHMAN HJ ISMAIL

PENERBIT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Cetakan Pertama/First Printing, 2014
Hak cipta/Copyright Universiti Malaysia Kelantan, 2014


Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UMK terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UMK.

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by
PENERBIT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa, 16100 Kota Bharu,
Kelantan Darul Naim
Tel: 09 7717191, Faks: 09 7717182

Diatur huruf dan dicetak di Malaysia oleh / Printed in Malaysia by
REKA CETAK SDN. BHD.
No. 12 & 14, Jalan Jemuju Empat 16/13D,
Seksyen 16, 40200 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
Web: www.rekacetak.com

KATA PENGANTAR



“Takkan Melayu Hilang Di Dunia” merupakan satu kalimat “keramat” meniti di kepala orang Melayu sekali gus menjadi candu yang menyaluti jiwa mereka sehingga mereka rasa kebal, tidak terganggu-gugat oleh arus pembangunan. Biar alah sabung asal menang sorak, ayam menang kampung tergadai. Sanggup menyusukan kera di hutan, anak di pangkuan diletakkan yang akan mati kelaparan. Biarkan, biarkan, biarkan Luncai terjun dengan labunya, biarkan. Asalkan Melayu tak hilang di dunia kerana Hang Tuah tidak mati. Lagu lama “Pantang Melayu Menderhaka” telah diganti dengan lagu baru “Raja Adil Raja Disembah, Raja Tak Adil Raja Disanggah” sehingga menjadikan Raja tidak lagi kebal. Semua ungkapan itu berhubungan kait antara raja, wira dan rakyat.

Hang Tuah adalah watak alam Melayu, khususnya hidup di Selatan Thai, Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Riau, Sumatera, Jawa, Aceh dan merantau ke Eropah termasuk Belanda, Jerman, Perancis dan Rusia. Alam hidup yang luas dan usianya yang panjang hingga hari ini menjadikan imej Hang Tuah berwarna-warni dengan pelbagai dokongan terhadap warna imej itu. Dalam kepelbagaiannya tersebut Persatuan Pengajian Melayu USM (BAHTERA) telah menganjurkan seminar pada 26 – 27 September 2003 untuk memperkatakan *Hikayat Hang Tuah* dan watak Hang Tuah itu sendiri.

Sepuluh kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar itu telah dipilih untuk diterbitkan dalam buku ini. Mereka yang menulis kertas kerja itu ialah Dato' Dr. Hassan Ahmad (almarhum), Prof. Dato' Dr. Siti Hawa Haji Salleh, Dato' A. Aziz Deraman, Prof. Dr Mashudi Kader & Dr Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin, Prof. Dr. Noriah Mohamed, Sultan Tuanku Luckman Sinar Basarsyah II (almarhum) & Prof. Dr Wan Syaifuddin Hj. Wan Mahzim, Prof. Dr. Muhammad Haji Salleh, Prof. Madya Abdul Rahman Haji Ismail dan Prof. Dr Haron Daud. Seminar itu seharusnya turut dihadiri Kassim Ahmad tetapi beliau berhalangan pada saat akhir. Dalam pada itu buku ini turut memuatkan tulisan Prof. Dr. Kamaruddin Mohd. Said tidak cenderung untuk mengulas setiap tulisan mereka di sini kerana kita boleh membaca dan menilainya sendiri.

Semenjak pembentangan hingga kini melewati waktu yang agak lama. Ini tidak bererti kami melengah-lengahkan penerbitannya. Cabaran demi cabaran kami hadapi hingga sekarang barulah buku ini melahirkan wajahnya yang sebenar. Di sini kami mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam seminar berkenaan yang merupakan seminar kedua BAHTERA. Seminar pertamanya tentang *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* dan kertas kerjanya diterbitkan sebagai buku *Sulalatus Salatin Dari Aspek Sejarah, Bahasa dan Budaya* 2008. Pertama kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada TYT Tun Datuk Seri Utama Abdul Rahman Abas, yang sudi hadir memberi ucapan pujian akan faedah mengangkat kembali kewiraan dan kesetiaan Hang Tuah dalam masyarakat dan seterunya merasmikan seminar itu juga kepada Y.Bhg. Tan Sri Prof Dzulkifle Abdul Razak selaku Naib Canselor USM (waktu itu) yang sudi menaja seminar berkenaan. Ucapan penghargaan dan terima kasih diberikan juga kepada semua penulis yang bermurah hati mengizinkan tulisan mereka diterbitkan dalam buku ini. Ucapan yang sama diberikan kepada semua AJK BAHTERA dan AJK seminar.

Tidak ketinggalan ucapan terima kasih diberikan kepada Y.Bhg. Prof. Datuk Dr Raduan Haji Che Rose, Naib Canselor UMK yang memberikan sepenuh kerjasama dan galakan untuk penerbitan buku ini. Kami juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang tidak memungkinkan kami menyebutnya satu per satu di sini atas sumbangan sehingga buku ini dapat diterbitkan.

Apapun tanggapan kita tentang Hang Tuah, wira atau lanun, janganlah sampai kita hilang wajah dan kudrat. Dan sebaiknya kita patut mempunyai pahlawan yang cendekia, gagah dan pintar, berwawasan supaya Melayu bukan sahaja tidak hilang di dunia, malah menguasai dunia. Biarlah Mat Jenin dipanjangkan umur dan beranak pinak supaya lahir ramai usahawan yang memiliki asset berbilion ringgit, dan dijauhkan lahirnya kembali Si Tenggang dan Pak Kadok kerana mereka tidak menyumbang kepada pembangunan insan (diri), bangsa, negara dan agama.

Prof Dr. Haron Daud, UMK

Prof. Madya Abdul Rahman Haji Ismail, USM
Bachok, Kelantan

20 Oktober 2012

04 Zulhijjah 1433

KANDUNGAN



Kata Pengantar	v
Daftar Isi	vii
Pengenalan	
<i>Haron Daud</i>	1
1. Hang Tuah Sebagai Wira Budaya Melayu <i>Hassan Ahmad</i>	9
2. Hikayat Hang Tuah: Epik Kebangsaan Kebanggaan Melayu <i>Siti Hawa Haji Salleh</i>	23
3. 'World-View' Dalam Hikayat Hang Tuah <i>A. Aziz Deraman</i>	45
4. Karya-Karya "Penoda" Hikayat Hang Tuah: Satu Pembicaraan <i>Haron Daud</i>	65
5. Hang Tuah Dalam Perjuangan Politik Bangsa Melayu Kurun Ke-20 <i>Abdul Rahman Haji Ismail</i>	83
6. Keperwiraan Hang Tuah (Melalui Bahasa) Dalam Hikayat Hang Tuah <i>Mashudi Kader & Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin</i>	97
7. Citra Jawa Dalam Hikayat Hang Tuah: Realiti Atau Fiksyen? <i>Noriah Mohamed</i>	113
8. Hang Tuah Dari Pandangan Sistem Beraja Di Sumatera Timur <i>Tuanku Luckman Sinar Basarsyah II & Wan Syaifuddin Hj. Wan Mahzim</i>	129

9.	Hang Tuah Berckap Oghang Puteh: Terjemahan Dan Penjelmaan Hang Tuah Dalam Bahasa Eropah <i>Muhammad Haji Salleh</i>	139
10.	Mencari Unsur-Unsur Keagamaan Dalam Hikayat Hang Tuah <i>Ali Ahmad</i>	159
11.	Minda Melayu Dalam Hikayat Hang Tuah <i>Kamaruddin Mohd. Said</i>	169
	Indeks	

PENGENALAN

HARON DAUD (PROF. DR.)

Bericara tentang Hang Tuah, maka secara langsung turut menyentuh Hang Jebat kerana mereka sahabat yang sangat akrab berbanding Hang Lekir, Hang Lekiu dan Hang Kasturi. Kemunculan tokoh atau watak-watak itu dimulai dengan terhasilnya *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* oleh sama ada Raja Bongsu atau Tun Seri Lanang. Raja Bongsu mungkin pengarang asal *Hikayat Melayu* yang dibawa dari Goa yang dijadikan rangka penulisan *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* oleh Tun Seri Lanang. Jika didasarkan *Sejarah Melayu* edisi Winstedt dan edisi Shelabaer, nama Hang Jebat tidak masyhur kerana Hang Tuah dalam kedua-dua edisi itu bertikam dengan Hang Kasturi. Hang Tuah bertikam dengan Hang Jebat ditemui dalam *Sulalatus Salatin* edisi A.Samad Ahmad.

Sejarah Melayu atau *Sulalatus Salatin* dipercayai dikarang pada 1612 (edisi Winstedt) iaitu tarikh di mana Melaka sudah lama dijajah oleh Portugis. Pemerintah Melaka waktu itu yang memerintah secara *dejuri* berada di Johor masih berusaha untuk mendapatkan kembali Melaka dari tangan Portugis, namun menyedari harapan itu semakin tipis dan demi pentingnya sejarah dan jurai keturunan raja Melaka bersama adat istiadatnya diketahui oleh anak cucu yang akan datang, maka Sultan Alauddin Riayat Syah II menitahkan Bendahara Tun Seri Lanang mengarang *Sejarah Melayu* itu, sebuah karya yang ditulis berlatarkan sejarah yang disaluti unsur mitos dan legenda. Karya seumpama ini tergolong dalam karya sastera sejarah atau karya historiografi.

Dalam *Sejarah Melayu* dan *Sulalatus Salatin*, Hang Tuah bukan merupakan satu nama yang besar. Hang Tuah tidak berupaya naik ke puncak Gunung Ledang, yang berjaya ke sana dan meminang Puteri Gunung Ledang untuk Sultan Mansur (edisi Winstedt) dan Sultan

Mahmud (semua edisi lain) ialah Tun Mamat atau Tun Mamad. Malah dalam edisi A.Samad Ahmad watak Hang Tuah benar-benar bermukah dengan gundik raja, bukan satu fitnah. Cuma dikatakan “belum” sesuai dihukum bunuh kerana jasanya kepada raja. Dan satu persoalan lagi dalam *Sejarah Melayu* dan *Sulalatus Salatin*, siapakah yang bertikam dengan Hang Tuah? Hang Kasturi atau Hang Jebat.

Usaha raja-raja Melayu untuk mendapatkan kembali Melaka daripada Portugis bukan sahaja gagal, malah datang pula Belanda menjajah Melaka. Menyedari hakikat itu, timbul hasrat orang Melayu untuk melahirkan seorang wira bangsa Melayu iaitu Hang Tuah yang amat setia kepada Tuannya. Maka lahirlah *Hikayat Hang Tuah* dipercayai dikarang pada 1878. Hang Tuah anak Hang Mahmud dikatakan lahir di Sungai Duyung, kemudian berpindah ke Bentan bersama keluarganya, dan akhirnya terlibat dalam pembukaan negeri Melaka oleh Sang Maniaka. Hang Tuah menghambakan diri dan menjadi hulubalang, bergelar Laksamana, kepada raja Melaka itu sehingga zaman kejatuhan Melaka ke tangan Belanda. Ini bermakna umur Hang Tuah dan sahabat-sahabatnya, juga umur Raja Melaka iaitu Sang Maniaka amat panjang melebih umur kesultanan Melaka itu sendiri (dibuka pada 1403 dan jatuh ke tangan Belanda 1624). Jangka usia seseorang yang selama itu dalam zaman berkenaan amat jauh dengan hakikat sejarah. Kebolehan Hang Tuah yang sangat luar biasa dan dibantu oleh keris sakti Taming Sari, agak sukar dipadankan dengan mana-mana tokoh sejarah tanah air. Ini tidak menghairankan kerana pengarang *Hikayat Hang Tuah* dengan sengaja berbuat demikian demi memunculkan seorang wira bangsa Melayu sebagai mana bangsa lain mempunyai wira bangsa mereka seperti Rama untuk masyarakat Aryan, Iskandar Zulkarnain dan Muhammad Ali Hanafiah dalam masyarakat Arab-Parsi. Setiap suku bangsa berkenaan bukan sahaja mengagung-agungkan wira bangsa mereka, malah menjadikan wira itu sebagai model kehidupan mereka. Jadi, pengarang *Hikayat Hang Tuah* memunculkan watak Hang Tuah sebagai wira bangsa Melayu sesuai dengan corak pemerintahan beraja berkuasa mutlak.

Kedudukan Hang Tuah sebagai wira utuh dalam konteks masyarakat berstruktur fungsional bagaikan anggota biologis pada manusia di mana setiap anggota itu mempunyai fungsi dan akur dengan fungsi masing-masing. Ini bersesuaian dengan pandangan dan pendirian August Comte, Herbert Spencer, Emile Durkheim dan pengikut mereka. Hang Tuah merupakan hamba yang setia kepada Tuannya dan kesetiaannya itu tidak berbelah bagi. Sesiapa sahaja yang menderhaka kepada Raja mesti

dihapuskan. Apabila setiap anggota masyarakat akur dengan tugas dan kedudukan masing-masing, maka masyarakat tersebut tetap stabil. Hang Tuah menyumbang bakti untuk raja demi kestabilan itu.

Namun kemunculan fahaman baru iaitu aliran konflik Marxis Komunis-Sosialis yang melihat setiap masyarakat pada bila-bila masa saja tunduk kepada proses perubahan, memperlihatkan perpecahan dan konflik, dan dalam masyarakat wujudnya paksaan seseorang ke atas orang lain. Ini melahirkan tuntutan “keadilan” yang mengecap orang atasan atau Raja adalah manusia yang kejam-zalim dan perlu ditentang. Dalam karya sastera berfahaman Komunis, wira hendaklah datang daripada golongan bawah menentang golongan atas iaitu Raja atau pemerintah. Bagi golongan ini Hang Tuah tidak mungkin sama sekali menjadi wira kerana dia mendokong dan menjunjung Raja. Dalam *Hikayat Hang Tuah*, watak yang nampak seakan-akan menentang raja ialah Hang Jebat, maka Hang Jebat bagi golongan ini bukan sahaja dianggap sebagai wira yang mendahului zamannya, malah Jebat diangkat sebagai *nabi*, dengan laungan slogan “Raja Adil Raja disembah, Raja Zalim Raja disanggah.” Laungan slogan itu ternyata memikat hati dan perasaan masyarakat massa yang sukakan keadilan. Slogan itu kononnya dilaungkan oleh Hang Jebat waktu menaiki istana dan memaksa Raja Melaka iaitu Sang Maniaka berundur ke rumah Bendahara Paduka Raja. Soalnya, apakah benar slogan itu dilaungkan oleh Hang Jebat. Kalau benar, tunjukkan halaman berapa? Dan apakah benar Hang Jebat naik ke istana kerana menentang raja dan sistem beraja atau dia naik ke istana untuk merasai apa yang raja rasa dan sekali gus menyokong sistem itu? Alasan aliran Sosialis ini yang kononnya Hang Jebat menentang Raja kerana membela kematian sahabatnya Hang Tuah. Sekali lagi mohon dibuktikan, halaman berapa dalam *Hikayat Hang Tuah*?

Masyarakat massa yang dibuai keenakan slogan keadilan itu terus mencanangkan tanpa meneliti (menghabiskan bacaan *Hikayat Hang Tuah* setebil lebih 500 halaman). Dan turut melaungkan slogan “Takkun Melayu Hilang Di Dunia.” Kononnya itu juga kata-kata Hang Tuah sedangkan kata-kata itu tidak ada dalam *Hikayat Hang Tuah* yang diselenggarakan oleh Kasim Ahmad. Penyebaran aliran Sosialis ini dan penerimaan masyarakat massa secara “membuta tuli” mendorong Persatuan Pengajian Melayu USM (BAHTERA) menganjurkan seminar pada 26 – 27 September 2003 untuk melihat kembali kedudukan Hang Tuah dalam masyarakat. Hampir semua bab buku ini merupakan kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar itu.